

NO. SOALAN : 13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 13

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah inisiatif yang dijalankan oleh Jabatan PERHILITAN bagi usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar bagi mengelakkan ancaman kepupusan seperti yang sedang dihadapi baka badak sumbu Sumatera.

NO. SOALAN : 13

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) sentiasa komited dalam usaha konservasi hidupan liar di Semenanjung Malaysia dengan melaksanakan usaha-usaha berikut:

(i) Menguruskan kawasan perlindungan seperti:

- 1) Taman Negara Pahang;
- 2) Taman Negara Terengganu;
- 3) Taman Negara Kelantan;
- 4) Taman Negara Pulau Pinang; dan
- 5) rezab-rezab hidupan liar yang lain;

supaya hidupan liar dapat berkeliaran bebas (*roaming*) dalam kawasan habitat semula jadi.

(ii) Meminda Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] bagi mengenakan hukuman yang lebih berat untuk:

- 1) kesalahan menceroboh kawasan-kawasan rizab;
- 2) kezaliman terhadap hidupan liar;
- 3) hukuman berat terhadap orang yang membuat aktiviti pengiklanan atau perdagangan hidupan liar secara atas talian (*online*); dan

- 4) *Wildlife Impact Assessment* (WIA) bagi aktiviti pembangunan yang ditetapkan.
- (iii) Melaksanakan program penguatkuasaan seperti **Ops Belang** dan **Ops Khazanah** secara berterusan bagi membanteras pencerobohan dan pemburuan **haram** hidupan liar;
- (iv) Melaksanakan Pelan Tindakan Konservasi Spesies-Spesies Hidupan Liar Terancam seperti:
 - 1) Pelan Konservasi Gajah Kebangsaan 2013-2022 (NECAP); dan
 - 2) Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan 2008-2020 (NTCAP).
- (v) Menjalankan program konservasi hidupan liar secara *ex-situ*:
 - iaitu melalui pembiakan di dalam kurungan untuk menyedia serta menambahkan hidupan liar bagi program pelepasan semula ke habitat semula jadi;
- (vi) Membangunkan Pusat Konservasi Harimau Kebangsaan (NTCC) seluar 80 hektar di Lanchang, Pahang bagi tujuan meliaraskan semula (*rewilding*) harimau sebelum pelepasan di hutan-hutan terpilih;

- (vii) Bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Johor untuk membangunkan Pusat Pentadbiran Santuari Gajah Johor (*Johor Elephant Sanctuary*) yang mempunyai keluasan padang ragut gajah seluas 72.9 hektar dan 466 hektar;

dan

- (viii) Melaksanakan program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA: *Communication, Education and Public Awareness*) secara berterusan seperti Program Pendidikan Biodiversiti, pameran, ceramah dan program bersama masyarakat setempat, pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi dan orang awam.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi baka badak Sumatera, antara faktor yang menyumbang kepada kepupusannya adalah seperti berikut:

- (i) Pemburuan haram berikutan nilainya yang tinggi di pasaran Asia dan Timur Tengah;
- (ii) Kehilangan dan gangguan habitat akibat pembangunan;
- (iii) Fragmantasi populasi akibat penumpuan sektor perladangan dan pertanian; dan
- (iv) Populasi yang kecil sejak sekian lama.

Antara usaha-usaha yang dilaksanakan Kerajaan bagi menghalang berlakunya kepupusan spesies Badak Sumatera ini adalah seperti berikut:

- (i) Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk menjalankan dan meningkatkan usaha-usaha konservasi spesies-spesies hidupan liar yang terancam;
- (ii) Penggunaan Teknologi Reproduktif Termaju (*Advanced Reproductive Technology* - ART) sebagai kaedah untuk menghalang kepupusan Badak Sumatera (*Dicerorhinus sumatrensis*) dan spesies-spesies hidupan liar lain yang mengalami ancaman kepupusan pada ketika ini; dan
- (iii) Kerjasama antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia dalam menjalankan usaha-usaha konservasi Badak Sumatera.

Sekian, terima kasih.